

2.14 KERTAS KERJA BIL. 14/2005 – KERTAS CADANGAN PENAWARAN PROGRAM SARJANA MUDA PSIKOLOGI KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN [(B.Counseling Psychology) (Hons)]

Mesyuarat

- i. mengambil ingatan
 - a) tentang kertas cadangan yang dikemukakan oleh Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia (FPSM) bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Senat untuk menawarkan program Sarjana Muda Psikologi Kaunseling dengan Kepujian seperti yang dibentangkan;
 - b) bahawa cadangan ini adalah sejajar dengan permintaan Kementerian Pengajian Tinggi agar lebih banyak Institusi Pengajian Tinggi Awam menawarkan program kaunseling bagi menampung kekurangan kaunselor yang diperlukan dalam pelbagai perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan;
 - c) bahawa kertas kerja ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik Kali Ke-99 Bil. 2/2002 bertarikh 11 Februari 2002 dan telah diluluskan dengan penambahbaikan. Penambahbaikan telah dilakukan pada perkara-perkara berikut :
 1. Struktur program pengajian tiga (3) tahun ditukar kepada empat (4) tahun. Ini adalah kerana program pengajian tersebut tidak memadai menghasilkan kaunselor yang terlatih selaras dengan syarat-syarat dan peraturan yang termaktub di dalam Akta Kaunselor 1998 dan Jawatankuasa Teknikal Pendidikan dan Latihan Lembaga Kaunselor 2003;
 2. Jumlah jam kredit untuk kursus Teras Program dipinda dari 78 ke 81 jam kredit;
 3. Kursus tumpuan bagi setiap kategori telah diubah daripada enam (6) kursus kepada lima (5) kursus menjadikan 15 jam kredit;
 4. Istilah 'Praktikum' dan 'Projek' ditukar kepada Praktikum dan Latihan Ilmiah dengan setiap satu bernilai 6 jam kredit;

- d) bahawa Program ini melibatkan empat (4) komponen utama iaitu:
1. Kursus Teras Universiti sebanyak 22 jam kredit;
 2. Kursus Teras Program sebanyak 81 jam kredit;
 3. Kursus Elektif sebanyak 6 jam kredit
 4. Praktikum dan Latihan Ilmiah sebanyak 12 jam kredit;
- e) bahawa sebanyak empat (4) bidang tumpuan dicadangkan sebagai sebahagian daripada struktur program. Bidang tumpuan ini diwujudkan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk memilih bidang pengkhususan mereka. Bidang tumpuan tersebut ialah:
1. Bidang Industri dan Organisasi (15 kredit)
 2. Bidang Kebajikan dan Pemulihian (15 kredit)
 3. Bidang Keluarga dan Komuniti (15 kredit)
 4. Bidang Perkhidmatan Sekolah dan IPT (15 kredit)
- f) bahawa struktur program ini adalah seperti di **Lampiran 7.1** manakala cadangan pengambilan kursus mengikut semester adalah seperti di **Lampiran 7.2**;
- g) tentang pandangan supaya nama Program ini ditukar kepada Sarjana Muda Kaunseling dengan kepujian [B.Counseling(Hons)].
- ii. bersetuju menerima dan meluluskan cadangan penawaran program ini seperti yang dibentangkan dengan mengambilkira pandangan seperti i g) di atas dan boleh ditawarkan mulai Semester Pertama Sesi 2005/2006 tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Dekan FPSM
& JHEA

